

## Tentera Islam Menyekat Kebanjiran Tentera-tentera Parsi dan Rom

Saiyidina ‘Uthmān bin ‘Affān telah dilantik oleh orang-orang Islam menjadi Khalifah yang memegang tampuk pemerintahan, untuk mengatur hal ehwal kaum Muslimin, sebaik-baik sahaja Saiyidina ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb (R.A) meninggal dunia iaitu setelah beliau selesai menakluki sebahagian besar tanah jajahan negeri Parsi dan setelah menguatkan kedudukan pemerintah Islam di negeri Syam dan Mesir.

### Semasa Pemerintahan Saiyidina ‘Umar

Ada orang yang mengatakan, bahawa memang berkemungkinan kekuatan kaum Muslimin pada zaman Khalifah ‘Umar dapat menjarar sampai ke pulau-pulau di lautan negeri Rom dan utara tanah Afrika kalaulah kaum Muslimin itu berperang dengan jalan laut mengikut seperti yang dicadangkan oleh Mu‘āwiyah bin Abī Sufyān. Mengikut pendapat ahli-ahli sejarah, semua mereka telah sependapat meriwayatkan, bahawasanya Saiyidina ‘Umar itu takut benar kepada laut, sehingga tidak dibenarkannya askar-askarnya dibawa melayari lautan untuk berperang – sekalipun Mu‘āwiyah (yang menjadi pegawai pemerintah di Syam) bertalu-talu minta kebenarannya dalam perkara ini. Mu‘āwiyah mencadangkan penubuhan angkatan laut dengan alasan; bahawa jajahan Rom terlampau dekat dengan bandar Homs yang diduduki oleh orang-orang yang melayarinya, kerana hatiku berbelah-belah mengenainya.” Itu dapat mendengar dari seberang pulau jajahan Rom suara anjing mereka yang menggonggong dan ayam mereka yang berkokok.

Cerita Abū Sufyān ini, telah menarik perhatian Saiyidina ‘Umar lalu beliau menulis surat kepada ‘Amrū bin al-‘Āṣ bertanya: “Terangkanlah kepadaku tentang laut dan orang-orang yang melayarinya, kerana hatiku berbelah-belah mengenainya.”

‘Amrū bin al-‘Āṣ telah menjawab surat itu, lalu ditulisnya sepucuk surat menggambarkan tentang laut itu katanya: “Sesungguhnya saya melihat (laut itu) makhluk

yang amat besar, dilayari oleh (manusia) makhluk yang sangat kecil, kalau tenang menusuk hati, kalau berkocak menggoncangkan akal, di situlah menyebabkan keyakinan semakin berkurang, sedang keraguan pula bertambah banyak. Mereka (yang melayari lautan) ibarat ulat di atas sebatang ranting, andainya miring tenggelamlah dia, jikalau terselamat bercahaya-cahayalah (sinar mukanya kegirangan).

Bila Saiyidina ‘Umar memikirkan kehebatan laut itu maka ditulisnyalah surat kepada Mu‘āwiyah katanya: “Tidak! Demi Tuhan yang mengutus Muḥammad dengan sebenarnya, saya tidak akan bawa seorang Muslim pun pergi ke laut untuk selama-lamanya. Demi Allah! Seorang Muslim itu lebih saya kasihi dari apa yang dipunyai semuanya oleh orang-orang Rom. Awas kalau engkau berani membangkang perintahku.”

Kita tentu akan tertanya-tanya, adakah Saiyidina ‘Umar sampai begini benar beliau tidak mengetahui tentang laut? Tidakkah pernah diketahuinya tentang “Laut Merah” di sepanjang pantai barat tanah Arab dari Jeddah sampai kawasan Madinah? Tidakkah pernah diceritakan kepadanya oleh orang-orang Islam yang berhijrah ke negeri Habsyi hingga dua kali bagaimana mereka melayari lautan dan menempuh ombak dan badai serta berbagai-bagai rintangan di tengah laut? Apakah beliau tidak menyedari langsung tentang adanya perniagaan yang memberi nyawa kepada kehidupan kota Mekah, iaitu perniagaan yang didatangkan melalui jalan laut?... terutama bila mengingat

beliau seorang ahli pelayaran di kalangan bangsa Arab sebelum Islam dan sesudahnya?

Jadi apakah alasan yang menyebabkan Saiyidina ‘Umar berdegil tidak meluluskan permintaan Mu‘āwiyah untuk memerangi orang-orang Rom? Alasannya jelas, jika kita tilik, kepada cara dan taktik beliau dalam peperangan melawan musuh-musuh orang Islam. Beliau kerap menasihati panglima-panglima perangnya; jangan berpindah dari satu tempat ke lain tempat, melainkan setelah kuat benar kedudukan mereka di tempat itu terlebih dahulu dan terjamin keselamatannya dari bahaya musuh, baharulah mereka boleh berpindah ke tempat lain. Inilah tafsiran dari pendirian beliau mengenai laut. Beliau adalah melihat kepada semua jurusan peperangan di laut, sehingga terlaksana kekuasaan orang-orang Islam mula-mula di bahagian daratan negeri-negeri Parsi dan Rom dan sehingga sempurna pula persediaan-persediaan yang cukup bagi membina kapal-kapal perang dan kelengkapannya. Kalau tidak begitu, adakah kita akan menyangka bahawa Mu‘āwiyah itu lebih berani orangnya dari ‘Umar dan lebih berkeinginan daripadanya untuk meluaskan pemerintahan Islam?

#### **Kebanjiran Askar-askar Parsi dan Rom**

Dalam pemerintahan Saiyidina ‘Umar, tentera-tentera Islam telah dapat menundukkan musuh-musuh mereka dari tentera-tentera Parsi dan Rom yang menyekat terkembangnya seruan tauhid, sehingga dapat menyalakan api kebencian di dalam hati mereka terhadap sekatan dan rintangan yang mereka lakukan. Hinggakan salah seorang panglima perang bangsa Parsi yang bernama Rustum mengulas kebijakan ‘Umar katanya: “Sesungguhnya dia telah membakar hatiku...kerana kalau dia berkata-kata terhadap anjing sekalipun akan memahaminya.”

Manakala ‘Umar telah meninggal dunia, timbullah fitnah-fitnah di negeri Parsi dan Rom yang akan menghancurkan Islam.

Fitnah-fitnah mula timbul dari dalam dan luar, tujuannya hendak membalas dendam terhadap perkembangan agama yang baharu itu dan hendak lepas bebas dari kongkongannya. Adalah pendirian orang-orang Islam dewasa itu serupa benar dengan pendirian mereka terhadap timbulnya orang-orang yang murtad dahulu semasa Rasulullah (S.A.W) meninggal dunia. Maka Saiyidina ‘Uthmān telah menghadapi fitnah-fitnah tersebut dengan cara seperti yang dilakukan oleh Saiyidina Abū Bakr terhadap orang-orang yang murtad, ini dijalankannya di samping mengerahkan askar-askarnya untuk membendung kebanjiran tentera-tentera Rom dengan cara baharu iaitu berperang di atas permukaan laut.

Sesungguhnya Saiyidina ‘Uthmān layak menghadapi pemberontakan ini kerana beliau sentiasa menemani Rasulullah (S.A.W) dalam peperangannya begitu pula dengan Saiyidina Abū Bakr dan ‘Umar dalam peperangan mereka. Tidaklah hairan kalau Saiyidina ‘Uthmān itu memperoleh kemenangan dalam peperangannya melawan musuh kerana adanya keimanannya yang teguh dan persediaan-persediaannya dengan kelengkapan perang dan tentera-tentera untuk membasmi sebarang pencerobohan dari orang-orang Parsi, Turki dan Rom yang telah membuat perjanjian dengan panglima-panglima perang Islam untuk berdamai dan taat setia.

Khalifah ‘Uthmān telah menghantar bala bantuan kepada panglimanya yang bernama “Ḥabīb bin Musallamah al-Fihri” yang sedang menentang tentera-tentera Rom yang membanjiri negeri Suria dan Palestin. Begitu pula menghantar bala bantuan kepadanya, yang dikirim dari negeri Kufah tetapi agak terlambat datangnya. Untunglah Ḥabīb telah menang dalam peperangan ini dengan sebab melakukan tipu muslihat perang. Ini diikuti pula dengan pengiriman beliau akan tentera-tentera yang lain ke daerah-daerah Parsi hingga sampai menakluki tanah besar India dan China di sebelah timurnya, dan sampai ke sebalik laut al-Khazar di sebelah utaranya, sedang di sebelah baratnya pula sampai ke pintu negeri Constantine dan tanah Andalus (Spain) seterusnya di sebelah

selatan sampai ke tanah Sudah dan sebelah-menyebelah negeri Habsyi.

### Peperangan Di Laut

Jikalau Saiyidina ‘Umar dahulu telah menolak permintaan Mu‘āwiyah untuk memerangi pulau-pulau Qubrus (Cyprus) Rhodes dan pulau-pulau lainnya yang di bawah jajahan dan takluk orang-orang Rom, maka semasa dalam pemerintahan Saiyidina ‘Uthmān, Khalifah tersebut telah menulis surat memerintahkan Mu‘āwiyah memerangi pulau-pulau tersebut, kerana beliau bersetuju dengan pendapat Mu‘āwiyah dalam perkara ini, tetapi diperingatkannya agar Mu‘āwiyah bersiap sedia dari serangan-serangan yang mungkin dilancarkan musuh melalui laut dari pantai negeri Mesir, Syam dan Kairouan.

Saiyidina ‘Uthmān telah melantik “‘Abd Allāh bin Qays al-Jāsī” sebagai panglima laut. Dialah orang yang pertama menjadi panglima laut dalam Islam. Orangnya sangat cekap memimpin angkatan perang di permukaan laut, sebagaimana Khalid bin al-Walīd panglima perang yang sangat cekap di darat – sehingga Rasulullah (S.A.W) telah menggelarkannya sebagai Pedang Allah (*Sayf Allāh*).

Pada tahun 82 Hijrah Mu‘āwiyah telah menyerang Pulau Qubrus, ikut bersama-sama denganya sahabat-sahabat besar Nabi di antaranya ialah Abū Dhar al-Ghiffārī, Abū al-Dardā’ dan ‘Uqbah bin al-Šāmit.

Pernah juga Mu‘āwiyah dalam peperangannya disertai oleh Abī Sārah pegawai pemerintah di negeri Mesir dengan pasukannya daripada askar-askar Mesir untuk menyerang Pulau Qubrus tersebut, dan berakhir penduduknya minta damai dengan perjanjian memberikan bayaran jizyah kepada orang-orang Islam.

Tentang pertempuran “al-Šawārī” peristiwa ini berlaku disebabkan orang-orang Islam manakala telah mengalahkan orang-orang Rom di tanah Afrika dan membunuh mereka serta menawan yang kalah, maka tampillah panglima perang orang-orang Rom

iaitu Qusṭanṭīn bin Harqal ke medan perang untuk menuntut bela di atas kekalahan mereka. Dia dengan pasukannya telah keluar pada 31 atau 32 Hijrah iaitu satu pasukan yang sangat besar yang belum pernah berlaku seumpamanya di zaman Islam. Orang-orang Rom itu telah keluar dengan angkatan lautnya yang dimuatkan di dalam kapal-kapal perang mereka ditaksirkan sebanyak 500 atau 600 buah kapal perang. Mu‘āwiyah pun menghadapi musuh yang maha besar ini dengan pasukannya dari sebelah darat di negeri Syam, dan ‘Abd Allāh bin Sa‘ad bin Abī Sārah pula dengan pasukannya dari sebelah laut, dan berakhir dengan kemenangan di pihak orang-orang Islam. Pernah diceritakan tentang panglima perang Qusṭanṭīn tadi, pada satu masa telah sampai ke Pulau Siqilyah (Sicily) dengan sebuah kapal perang. Di sana dia telah ditanya oleh penduduk-penduduk pulau itu akan halnya, setelah diceritakan kepada mereka, penduduk-penduduk pulau itu pun berkata kepadanya: “Engkau telah memusnahkan agama Nasrani dan melenyapkan orang-orangnya, kalaulah orang-orang Arab mendatangi kami pasti tak ada siapa-sapa yang dapat menahan mereka.” Kemudian panglima itu telah mereka masukkan ke bilik mandi dan membunuhnya.

Saiyidina ‘Uthmān seterusnya telah membenarkan ‘Abd Allāh bin Sa‘ad menakluki kota-kota di tanah besar Afrika untuk mengukuhkan pengajaran Islam di kalangan penduduk-penduduknya setelah negeri-negeri itu diperangnya terlebih dahulu. Berikutan dengan itu pula dihantarkan pasukan-pasukan yang dipimpin oleh dua orang panglima perang iaitu ‘Abd Allāh bin Nāfi‘ bin al-Qays dan ‘Abd Allāh bin Nāfi‘ bin al-Hasīn kedua-duanya dari suku al-Fihri. Mereka bertiga telah membuka sepanjang-panjang pantai Afrika, gunung dan lurahnya, sehingga banyak orang-orang di Afrika yang masuk Islam. Pendeknya Saiyidina ‘Uthmān tidak kalah usaha dari Khalifah Abū Bakr dan ‘Umar dalam memainkan peranannya sebagai pemegang tampuk pemerintahan selepas Rasulullah (S.A.W).